

LAPORAN PENCAPAIAN JABATAN PERHUTANAN

TAHUN 2024

Disediakan oleh:

Seksyen Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

LAPORAN PENCAPAIAN JABATAN PERHUTANAN BAGI TAHUN 2024

KANDUNGAN

1.	RINGKASAN EKSEKUTIF	3
2.	PENDAHULUAN.....	5
3.	VISI, MISI DAN MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK JABATAN PERHUTANAN	6
4.	PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN 2023-2029	7
5.	CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN	8
6.	LAPORAN PENCAPAIAN JABATAN PERHUTANAN.....	9
6.1.	ASPEK EKONOMI	9
6.1.1.	Pencapaian Keluaran Industri Perhutanan.....	9
6.1.2.	Penandatanganan Perjanjian Kontrak bagi Perlaksanaan Penilaian <i>High Conservation Value (HCV)</i> di Hutan Simpan Bukit Labi (13 Jun 2024)	12
6.1.3.	Ekspo Produk Perkayuan 2024 dan pelancaran logo ' <i>Brunei Wood Product</i> ' (17-20 Oktober 2024)	13
6.1.4.	Pertandingan Pembuatan Perabot Perkayuan 2024 (19 Oktober 2024).....	14
6.1.5.	Sesi Taklimat bersama Industri Perkayuan dengan Agensi Kerajaan (3 Disember 2024).....	15
6.1.6.	Pembangunan Ladang Hutan	16
6.1.8.	Inisiatif Perdagangan Karbon Hutan	17
6.2.	ASPEK ALAM SEKITAR	18
6.2.1.	Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan	18
6.2.2.	Scientific Expedition: Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity.....	20
6.2.3.	Brunei Darussalam Conference on Biodiversity (11-13 Jun 2024)	21
6.2.4.	Kempen Kebersihan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024 (27 Julai 2024)	22
6.2.5.	<i>ASEAN Forum on Peatland Biodiversity</i> (2-5 September 2024).....	23
6.2.6.	Bengkel Kebangsaan bagi Mengemaskini Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSA) (1-2 Oktober 2024)	24
6.3.	ASPEK SOSIAL	25
6.3.1.	Taman-Taman Rekreasi Hutan dan Taman Negara.....	25
6.3.2.	<i>Technical Consultation Meeting for the Nomination of UNESCO-Designated Site</i> (3-5 November 2024)	26
6.3.3.	Menangani Konflik Manusia dan Buaya	27

6.3.4.	Penandatanganan Kontrak bagi Projek <i>Outsourcing</i> Kerja-Kerja Penangkapan, Pemindahan dan Pelupusan Buaya di Kampong Ayer dan di Lokasi Aduan di Negara Brunei Darussalam (16/3/2024)	28
6.3.5.	<i>Forest Run 2024</i> (10 November 2024).....	29
6.3.6.	<i>Annual Away Day</i> (28 Disember 2024)	30
6.4.	LAIN-LAIN	31
6.4.1.	Aktiviti Kongsi Ramadhan 1445H / 2024M	31
6.4.2.	Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Perhutanan 1445H / 2024M (6 April 2024) .	32
7.	PENUTUP.....	33

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Pencapaian Jabatan Perhutanan bagi Tahun 2024 ini merangkumkan usaha, inisiatif dan pencapaian utama jabatan sepanjang tahun berdasarkan tiga teras utama Pengurusan Hutan Mampan (*Sustainable Forest Management*) – iaitu ekonomi, alam sekitar dan sosial. Laporan ini turut menggambarkan komitmen Jabatan dalam mendukung Dasar Perhutanan Negara, menyokong pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2023–2029, serta menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Dari segi aspek ekonomi, nilai keseluruhan keluaran industri perhutanan negara pada tahun 2024 direkodkan sebanyak BND41.14 juta, menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Inisiatif strategik turut dilaksanakan termasuk projek penilaian *High Conservation Value* (HCV) di Hutan Simpan Bukit Labi, penganjuran Ekspo Produk Perakayuan 2024 yang disertai dengan pelancaran logo rasmi '*Brunei Wood Product*', serta pelaksanaan inisiatif perdagangan karbon hutan yang bertujuan meneroka potensi pasaran karbon melalui sektor perhutanan. Selain itu, projek pembangunan ladang hutan dan penanaman mengaya juga diteruskan bagi meningkatkan bekalan stok kayu kayan negara secara mampan.

Bagi aspek alam sekitar, pelaksanaan Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan bagi tahun 2024 telah berjaya menanam sebanyak 55,551 pokok, melebihi sasaran tahunan sebanyak 35,700 pokok dan menyumbang kepada 37% secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 daripada sasaran penanaman 500,000 pokok menjelang tahun 2035 di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP). Jabatan juga telah melaksanakan beberapa acara penting seperti Ekspedisi Saintifik "*Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity*", *Brunei Darussalam Conference on Biodiversity 2024*, serta *ASEAN Forum on Peatland Biodiversity*, di samping menganjurkan Bengkel Kebangsaan NBPSPA 2024–2030 yang menzahirkan komitmen negara terhadap Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD) dan *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* (KMGBF).

Sementara itu, dalam aspek sosial, Jabatan terus memperkukuh peranan sebagai agensi yang mendukung kesejahteraan masyarakat melalui pengurusan taman-taman rekreasi hutan, program kesedaran awam dan aktiviti berbentuk komuniti. Antara pencapaian utama termasuk peningkatan jumlah pengunjung ke taman-taman rekreasi hutan dan Taman Negara Ulu Temburong kepada 159,337 orang, pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi menangani konflik manusia dan buaya, mesyuarat perundingan teknikal bagi penamaan tapak UNESCO, serta penganjuran *Forest Run 2024* sempena Hari Hutan Antarabangsa.

Keseluruhannya, tahun 2024 menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Jabatan Perhutanan mengekalkan keunggulan hutan Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan yang seimbang antara pembangunan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Jabatan akan terus komited dalam memperkukuh pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan bagi memastikan khazanah hutan kekal terpelihara sebagai warisan berharga untuk generasi masa kini dan akan datang.

2. PENDAHULUAN

Laporan Pencapaian Jabatan Perhutanan bagi Tahun 2024 ini disediakan sebagai rekod rasmi yang merangkumkan usaha, inisiatif, dan hasil kerja jabatan sepanjang tahun. Dokumen ini juga menjadi rujukan untuk menilai keberkesanan strategi yang dilaksanakan serta panduan bagi perancangan tahun-tahun akan datang.

Tahun 2024 menyaksikan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti yang meliputi tiga teras utama Pengurusan Hutan Mampan (*Sustainable Forest Management*) iaitu ekonomi, alam sekitar, dan keperluan sosial. Pencapaian ini merangkumi peningkatan produktiviti industri perikanan, pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti, serta pembangunan ekopelancongan dan program kesedaran masyarakat.

Penyediaan laporan ini turut menggambarkan peranan Jabatan Perhutanan dalam mendukung Dasar Perhutanan Negara, mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan di bawah Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2023-2029, serta menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Usaha-usaha ini juga sejajar dengan komitmen negara terhadap agenda serantau dan antarabangsa berkaitan pengurusan hutan mampan, pemeliharaan biodiversiti, dan perubahan iklim.

Laporan ini disusun bagi memastikan setiap pencapaian didokumenkan secara sistematik, mudah dirujuk, dan selaras dengan matlamat strategik jabatan. Dengan penyusunan mengikut prinsip SFM, diharapkan dokumen ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang prestasi jabatan dan menjadi asas kukuh untuk tindakan penambahbaikan pada masa hadapan.

3. VISI, MISI DAN MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK JABATAN PERHUTANAN

Visi:

Ke arah pertumbuhan keluaran industri perhutanan yang berdayatahan melalui peningkatan produktiviti berorientasikan eksport dan berteraskan amalan pengurusan hutan lestari.

Misi:

Mempercepatkan pertumbuhan keluaran industri perhutanan berasaskan teknologi tinggi dan berorientasikan eksport dengan menggalakkan penyertaan pelaburan tempatan dan langsung asing serta memfokuskan kepada peningkatan produktiviti dan penghasilan produk bernilai tinggi dengan juga menitikberatkan keseimbangan alam sekitar dan keperluan sosial.

Matlamat-Matlamat Strategik:

- i. Untuk meningkatkan keluaran daripada industri perhutanan bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, mempelbagaikan ekonomi pertumbuhan eksport;
- ii. Untuk meningkatkan produktiviti keluaran industri primer dengan menggunakan teknologi moden dan juga amalan amalan terbaik disamping memastikan kelestarian alam sekitar dan sumber industri kayu kayan yang berkekalan;
- iii. Untuk menggalakkan penglibatan dan usahasama pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing (FDI), dalam memperkembangkan industri hiliran dan nilai tambah yang berasaskan kayu dan bukan berasaskan kayu bagi mempercepatkan pertumbuhan keluaran daripada industri perhutanan; dan
- iv. Untuk mengekalkan keunggulan hutan Negara Brunei Darussalam bagi pemuliharaan alam sekitar dan biodiversity supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber alam semulajadi

4. PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN 2023-2029

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2023–2029, fokus utama Jabatan Perhutanan adalah untuk mendokong pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik.

Antara tumpuan utama ialah:

- Melindungi dan memulihara hutan dan kepelbagaian bio (flora dan fauna) bagi mengekalkan kelestarian sumber hutan negara;
- Meningkatkan kapasiti hutan sebagai *carbon sink* dalam usaha menangani perubahan iklim;
- Meningkatkan sumbangan kepada kutipan hasil melalui inisiatif *carbon trading*; dan
- Meningkatkan keluaran industri perhutanan, khususnya pemprosesan hiliran dan nilai tambah.

Pendekatan ini menekankan keseimbangan antara pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan sosioekonomi melalui pengurusan hutan secara mampan, selaras dengan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap agenda perubahan iklim dan pembangunan mampan.

5. CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN

Carta Organisasi Jabatan Perhutanan yang dikemaskini pada April 2023 dibentuk bagi memastikan pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab jabatan dapat dijalankan dengan berkesan, selaras dengan visi, misi dan matlamat-matlamat strategik jabatan.



6. LAPORAN PENCAPAIAN JABATAN PERHUTANAN


6.1. ASPEK EKONOMI

6.1.1. Pencapaian Keluaran Industri Perhutanan


Bagi tahun 2024, jumlah keseluruhan keluaran industri perhutanan di Negara Brunei Darussalam direkodkan sebanyak BND41.14 juta, menunjukkan peningkatan berbanding BND40.97 juta pada tahun 2023. Nilai ini merangkumi dua sub-industri utama iaitu Industri Pemprosesan Primer dan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu.

Keluaran Industri Pemprosesan Primer mencatatkan nilai sebanyak BND28.24 juta, yang terdiri daripada kayu gergaji (BND19.51 juta), kayu balak (BND8.48 juta), dan kayu bakau (BND0.26 juta). Walaupun sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya, aktiviti pemprosesan primer kekal sebagai penyumbang utama kepada keseluruhan nilai keluaran Industri Perhutanan negara.

Sementara itu, Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu menunjukkan peningkatan positif dengan jumlah BND12.9 juta, berbanding BND10.83 juta pada tahun 2023. Komponen kayu merupakan penyumbang tertinggi dalam kategori ini dengan nilai BND12.63 juta, diikuti oleh produk briket arang (BND0.29 juta).




Keluaran Industri Pemrosesan Primer (BND Juta)




Keluaran Industri Hiliran dan Nilai Tambah

Berasaskan Kayu (BND Juta)





Keluaran Industri Perhutanan (2020 – 2024)



Tahun	2020	2021	2022	2023	2024
Pemrosesan Primer	32.37	32.31	26.81	30.14	28.24
Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu	8.34	8.74	9.84	10.83	12.9
Jumlah (BND\$ Juta)	40.71	41.05	36.65	40.97	41.14

Dari segi perdagangan antarabangsa, nilai eksport produk perkayuan bagi tahun 2024 berjumlah BND1.82 juta, dengan pasaran utama terdiri daripada Malaysia (72.4%), Amerika Syarikat (17.4%), dan Korea (10.2%). Produk eksport utama ialah pintu kayu, bingkai pintu dan jendela, serta komponen kayu lain, dengan jumlah kuantiti keseluruhan sebanyak 2,526.98 m³.

Manakala, nilai import bagi produk perkayuan adalah sebanyak BND34.20 juta, menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap bahan mentah dan produk siap dari luar negara, terutamanya dari China (27.5%), Amerika Syarikat (20.3%), dan Malaysia (21%). Antara komoditi utama yang diimport termasuk perabot kayu (BND5.11 juta), barang binaan kayu (BND8.92 juta), dan *plywood* (BND0.51 juta).



6.1.2. Penandatanganan Perjanjian Kontrak bagi Pelaksanaan Penilaian *High Conservation Value (HCV)* di Hutan Simpan Bukit Labi (13 Jun 2024)

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, telah menandatangani Perjanjian Kontrak dengan Mr. Jules Crawshaw, pengasas PT Hijau Daun Konsultan, bagi pelaksanaan Penilaian High Conservation Value (HCV) di Hutan Simpan Bukit Labi.

Majlis penandatanganan ini telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dan merupakan langkah penting dalam mengukuhkan lagi pengurusan hutan secara mampan. Perjanjian ini menzahirkan komitmen negara dalam memelihara biodiversiti yang kaya serta warisan semula jadi Brunei Darussalam demi manfaat generasi akan datang.



6.1.3. Ekspo Produk Perkayuan 2024 dan pelancaran logo 'Brunei Wood Product' (17-20 Oktober 2024)

Ekspo Produk Perkayuan 2024 telah berlangsung dari 17 hingga 20 Oktober 2024 di OneCity Shopping Centre dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis perasmian turut menyaksikan pelancaran rasmi logo baharu 'Brunei Wood Product', sebagai identiti bagi memudahkan pengiktirafan produk kayu tempatan serta memperkukuh promosi jenama di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Ekspo ini menampilkan pameran produk kayu inovatif dan rekaan kreatif daripada pengusaha tempatan, demonstrasi pertukangan, serta pertandingan pembuatan perabot.



6.1.4. Pertandingan Pembuatan Perabot Perkayuan 2024 (19 Oktober 2024)

Jabatan Perhutanan menganjurkan Pertandingan Pembuatan Perabot Perkayuan sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024 yang mana Majlis Penyampaian Hadiah bagi pertandingan tersebut telah diadakan pada 19 Oktober 2024.

Pertandingan ini dibahagikan kepada Kategori A (set kerusi dan meja belajar), yang dibukakan kepada syarikat-syarikat perkilangan papan dan syarikat-syarikat hiliran perkayuan yang berdaftar di Jabatan Perhutanan, dan Kategori B (set almari atau rak buku) yang dibukakan kepada pengusaha-pengusaha mikro produk perkayuan tempatan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat, dan menyempurnakan majlis ialah Yang Mulia Dyg. Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



6.1.5. Sesi Taklimat bersama Industri Perkayuan dengan Agensi Kerajaan (3 Disember 2024)

Jabatan Perhutanan telah menganjurkan Sesi Taklimat bersama Industri Perkayuan dengan Agensi Kerajaan bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 3 Disember 2024.

Objektif taklimat adalah untuk memberigakan mengenai dengan proses pengambilan pekerja, peraturan serta akta yang berkaitan dengan isu pekerja yang termasuk di bawah kawalan Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta perkara yang berkaitan dengan penggunaan jentera berat di bawah kawalan Jabatan Pengangkutan Darat.

Taklimat telah disertai oleh pengurus-pengurus syarikat pembalakan, syarikat kilang papan dan syarikat hiliran perkayuan.



6.1.6. Pembangunan Ladang Hutan

Bagi tahun 2024, kerja-kerja pemeliharaan bagi ladang hutan telah dilaksanakan meliputi kawasan seluas 100 hektar.

Sementara itu, projek pembangunan ladang hutan telah dimasukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN 12) dengan tajuk “Meningkatkan Bekalan Stok Kayu Kayan melalui Kaedah Perladangan Hutan Berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan”.

Di bawah RKN 12 tersebut, Projek Penanaman Spesies Dipterocarp di Kawasan 10 (Seksyen 4 & 5) di antara Lembah Sungai Tutong dan Sungai Belait Inter Riverine Zone (IRZ) Fasa 1 telah dibuka untuk tawaran, dan kebenaran pelantikan kontraktor telah diberikan oleh Lembaga Tawaran Kecil (LTK) pada 23 Disember 2024 kepada Bundayana Contractor Sdn. Bhd. sebagai penender yang berjaya.

6.1.7. Penanaman Mengaya

Bagi tahun 2024, sebanyak 29,153 batang pokok telah ditanam melalui aktiviti penanaman mengaya (*silvicultural enrichment planting*) di Kompartmen 98, Hutan Simpan Bukit Ladan yang meliputi kawasan seluas 359 hektar.

Projek penanaman mengaya turut dimasukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN 12) dengan tajuk “Meningkatkan Bekalan Stok Kayu Kayan melalui Kaedah Penanaman Mengaya (*Silvicultural Enrichment Planting*) Berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan”.

Di bawah RKN 12 ini, projek *Enrichment Planting and Timber Stand Improvement for Compartment 99 & 100, Hutan Simpan Bukit Ladan, Tutong* telah dibuka untuk tawaran dan penandatanganan kontrak telah dibuat bersama Syarikat Bundayana Contractor Sdn. Bhd. pada 30 Disember 2024.

Secara keseluruhannya, jumlah kawasan yang telah ditanam melalui program penanaman mengaya setakat tahun 2024 ialah seluas 15,512 hektar.

6.1.8. Inisiatif Perdagangan Karbon Hutan

Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sedang melaksanakan inisiatif bagi meneroka peluang perdagangan karbon di bawah Sektor Perhutanan sebagai sebahagian daripada usaha menyokong Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) di bawah Strategi 6: *Carbon Pricing*.

Antara aktiviti utama yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk:

1. Pelaksanaan Projek Inventori Sumber Hutan Negara (*National Forest Resources Inventory Project*);
2. Pelantikan konsultan bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan projek karbon hutan;
3. Pindaan Akta Perhutanan bagi menyokong pelaksanaan projek karbon hutan;
4. Penubuhan Daftar Karbon Hutan Sementara (*Interim Forest Carbon Registry*);
5. Penyediaan *National Guidance on Carbon Market (Forest Sector)*; dan
6. Pelaksanaan Projek Karbon Hutan (*Forest Carbon Project*).

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan hasil pendapatan kerajaan di bawah Sektor Perhutanan serta menyokong BNCCP dalam usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau ke udara.


6.2. ASPEK ALAM SEKITAR

6.2.1. Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan

Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan merupakan salah satu inisiatif utama Jabatan Perhutanan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara dan menyokong pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), khususnya di bawah Strategi 2 Liputan Hutan, yang menyasarkan penanaman sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

Bagi tahun 2024, sebanyak 55,551 pokok telah berjaya ditanam di seluruh negara, melebihi sasaran tahunan sebanyak 35,700 batang pokok. Sejak pelaksanaan BNCCP pada bulan Ogos 2020, jumlah keseluruhan pokok yang telah ditanam di bawah inisiatif ini mencapai 184,626 pokok, iaitu bersamaan dengan 37% daripada sasaran keseluruhan.


Bagi mencapai sasaran penanaman 500,000 pokok menjelang tahun 2035, pelaksanaan program ini menyasarkan penanaman sekurang-kurangnya 31,000 pokok setiap tahun bagi tempoh 2025 hingga 2035. Sasaran ini akan dicapai melalui pelbagai inisiatif penghijauan dan pemulihan hutan yang melibatkan agensi kerajaan, institusi pendidikan, sektor swasta dan masyarakat awam.



Bilangan Pokok Yang Ditanam Oleh Setiap Kementerian

	Kementerian	No. Pokok
1	MPRT	52,563
2	MOFE	660
3	MINDEF	0
4	MOH	0
5	MOFA	73
6	MOHA	0
7	MOE	60
8	MORA	0
9	MOD	0
10	MCYS	0
11	MTIC	0
12	PMO	2,195
Jumlah		55,551

Jumlah Keseluruhan Pokok Yang Telah Ditanam



Nota:
Data sebenar: 2020-2024
Sasaran: 2025-2035

6.2.2. Scientific Expedition: Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity.

(30 Mei - 08 Jun 2024)

Ekspedisi Saintifik dengan tema “*Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity*” telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD). Majlis pelepasan ekspedisi telah diadakan pada 30 Mei 2024 bertempat di sebuah hotel di Daerah Temburong, dan disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ekspedisi selama 11 hari ini disertai oleh kumpulan penyelidik dari institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa. Tujuan utama ekspedisi adalah untuk mendokumentasikan kekayaan khazanah hutan Brunei Darussalam, di samping melibatkan pelbagai projek penyelidikan daripada disiplin yang berkaitan dengan biodiversiti. Bagi Ekspedisi Saintifik ini, kesemua peserta-peserta telah menghadapkan cadangan tajuk dan kertas kerja projek kajian mereka berasaskan kepada tajuk-tajuk tematik berikut: i) Biodiversiti Flora dan Fauna, ii) Ekologi dan Ekosistem Hutan, iii) Produk Hutan Bukan Berasaskan Kayu (*Non-Timber Forest Products*), iv)Pengurusan dan Pemetaan Hutan, v) Mikrobiologi, vi) Geologi dan Hidrologi; dan vii) Tumbuhan Ubat-Ubatan Hutan.



6.2.3. Brunei Darussalam Conference on Biodiversity (11-13 Jun 2024)

Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam 2024 dengan tema “*Nature’s Blueprint for Sustainability*” telah diadakan selama tiga hari bermula 11 hingga 13 Jun 2024 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Persidangan menghimpunkan pakar tempatan dan antarabangsa dengan penyertaan seramai 46 orang pembentang, yang membincangkan tujuh sesi tematik utama, iaitu i) *Ecosystem Services: The Lifeline of Biodiversity*, ii) *Conservation Innovations: Restoring and Safeguarding Biodiversity*, iii) *Youth Engagement in Biodiversity: Empowering the Next Generation*, iv) *Blue Biodiversity: Conserving Marine Life for a Resilient Ocean*, v) *Biodiversity’s Role in Building Resilience to Climate Change*, vi) *Biodiversity’s Contribution to Sustainable Economies*, dan vii) *Scientific Expedition: Exploring Brunei Darussalam’s Biodiversity*.



6.2.4. Kempen Kebersihan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024 (27 Julai 2024)

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan telah mengadakan Kempen Kebersihan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas bersempena sambutan *International Day of Forests 2024* serta menyokong inisiatif *Steering Committee on Cleanliness Issues*. Tetamu Kehormat bagi acara ini ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seramai lebih kurang 170 peserta daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah terlibat dalam kempen ini, dengan jumlah sebanyak 45 kilogram sampah berjaya dikumpulkan. Selain aktiviti pembersihan, sebanyak 70 anak pokok turut ditanam di sekitar kawasan taman bagi menyokong Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, khususnya Strategi 2 (*Forest Cover*), dengan sasaran penanaman sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.



6.2.5. ASEAN Forum on Peatland Biodiversity (2-5 September 2024)

ASEAN Forum on Peatland Biodiversity telah diadakan di J Hotel, Kiulap. Forum ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) SUPA/REPEAT, serta mendapat sokongan daripada ASEAN Centre for Biodiversity (ACB).

Forum ini memberi tumpuan kepada pemuliharaan tanah gambut dan biodiversiti di rantau ASEAN, dengan membincangkan isu-isu utama termasuk ancaman kepada ekosistem tanah gambut, senarai merah spesies IUCN, serta langkah-langkah strategik dalam pengurusan lestari.



6.2.6. Bengkel Kebangsaan bagi Mengemaskini Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSPA) (1-2 Oktober 2024)

Bengkel Kebangsaan untuk mengemaskini Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (*National Biodiversity Policy and Strategic Plan of Action, NBPSPA*) telah diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Bengkel ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, institusi penyelidikan, organisasi bukan kerajaan serta wakil sektor swasta.

Hasil bengkel telah membawa kepada penyediaan dokumen *National Biodiversity Policy and Strategic Plan of Action (NBPSPA) 2024–2030*, yang mengandungi 4 Matlamat, 18 Sasaran dan 50 Tindakan strategik. Dokumen ini bukan sahaja berperanan sebagai panduan utama dalam pengurusan biodiversiti negara, bahkan turut menzahirkan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap *Convention on Biological Diversity (CBD)*, khususnya *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF)*.



6.3. ASPEK SOSIAL

6.3.1. Taman-Taman Rekreasi Hutan dan Taman Negara

Bagi tahun 2024, jumlah keseluruhan pengunjung ke taman-taman rekreasi hutan dan Taman Negara Ulu Temburong yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan telah mencatatkan seramai 159,337 orang pengunjung. Antara taman rekreasi yang menerima bilangan pengunjung tertinggi ialah Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang dengan 39,941 orang pengunjung, diikuti oleh Taman Rekreasi Hutan Berakas (35,368 orang) dan Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar (34,727 orang). Taman Negara Ulu Temburong pula merekodkan 9,246 orang pengunjung, manakala Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong masih belum dibukakan untuk pengunjung dan memerlukan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan infrastruktur sedia ada.




6.3.2. *Technical Consultation Meeting for the Nomination of UNESCO-Designated Site (3-5 November 2024)*

Sebagai sebahagian daripada usaha Jabatan Perhutanan dalam merealisasikan hasrat untuk menamakan Taman Negara Ulu Temburong sebagai tapak yang diiktiraf di bawah program UNESCO, satu mesyuarat perundingan teknikal telah diadakan bagi membincangkan keperluan dan langkah strategik ke arah pencalonan tersebut.

Mesyuarat perundingan teknikal selama tiga hari bagi penamaan tapak yang diiktiraf UNESCO telah diadakan. Antara pengisian utama termasuklah lawatan lapangan ke Taman Negara Ulu Temburong, pembentangan, perbincangan serta pembangunan bersama pelan hala tuju strategik.

Mesyuarat ini turut berbesar hati menerima kehadiran dua wakil daripada Pejabat Serantau UNESCO di Jakarta, Mr. Ludi Apin dari Sabah dan Prof. Y Purwanto dari Indonesia, serta pihak berkepentingan utama peringkat nasional termasuk UNESCO National Commission, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta Ketua Kampung Daerah Temburong.



6.3.3. Menangani Konflik Manusia dan Buaya

Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terus melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menangani isu konflik antara manusia dan buaya di Negara Brunei Darussalam. Antara langkah yang diambil termasuk:

- Mengadakan Program Kesedaran Awam;
- Kerja Pemasangan jail;
- Penangkapan dan pemindahan buaya; dan
- Pemasangan papan-papan tanda amaran keberadaan buaya di lokasi-lokasi strategik.

Bagi tahun 2024, sebanyak 231 ekor buaya telah berjaya ditangkap melalui Program Tangkap Buaya Bersama (PTBB) serta Projek *Outsourcing* Kerja-Kerja Penangkapan, Pemindahan dan Pelupusan Buaya di kawasan Kampong Ayer dan Lokasi Aduan di Negara Brunei Darussalam.

Secara keseluruhan, bagi tempoh 2019 hingga 2024, jumlah buaya yang berjaya ditangkap ialah 375 ekor.



Tahun	2019	2020	2021	2022	2023	2024	Jumlah (2019-2024)
Tangkapan	13	32	33	24	42	231	375 ekor

Jadual statistik bagi jumlah ekor buaya yang Berjaya ditangkap (2019-2024)

6.3.4. Penandatanganan Kontrak bagi Projek *Outsourcing* Kerja-Kerja Penangkapan, Pemindahan dan Pelupusan Buaya di Kampong Ayer dan di Lokasi Aduan di Negara Brunei Darussalam (16/3/2024)

Sebagai langkah susulan kepada usaha berterusan Jabatan Perhutanan dalam menangani konflik antara manusia dan buaya, Projek *Outsourcing* bagi Kerja-Kerja Penangkapan, Pemindahan dan Pelupusan Buaya di Kampong Ayer dan di Lokasi Aduan di Negara Brunei Darussalam telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan isu ini dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan.

Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menandatangani kontrak dengan Crocter dari Sarawak, Malaysia, bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan. Pelantikan pakar luar ini dijangka dapat memperkukuh pelaksanaan program pemindahan buaya dengan kaedah yang lebih efisien dan profesional, sekaligus menyokong usaha Jabatan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat dan pemuliharaan hidupan liar di negara ini.




6.3.5. *Forest Run 2024* (10 November 2024)

Sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa, acara *Forest Run 2024* telah diadakan pada 10 November 2024 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Berakas dengan penyertaan melebihi 250 orang peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Acara ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan hutan melalui aktiviti riadah yang sihat serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan peserta.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



6.3.6. Annual Away Day (28 Disember 2024)

Annual Away Day yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diadakan di Hutan Simpan Berakas.

Acara ini memberikan peluang untuk semua berkumpul dan berinteraksi, memperkukuh kerjasama melalui pelbagai aktiviti pembinaan pasukan, sekali gus membolehkan semua pihak menyegarkan minda dan menetapkan suasana positif bagi tahun yang mendatang.



6.4. LAIN-LAIN

6.4.1. Aktiviti Kongsi Ramadhan 1445H / 2024M

Antara aktiviti di bawah Program Infaq Ramadhan Jabatan Perhutanan pada tahun 2024 adalah Kongsi Ramadhan. Aktiviti ini adalah anjuran bersama Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan, dan disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sebanyak 600 pek sumbangan berupa juadah berbuka puasa seperti bubur, cendol, kuih dan minuman dikongsi kepada semua warga kakitangan di bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan warga Jabatan Perikanan.



6.4.2. Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Perhutanan 1445H / 2024M (6 April 2024)

Sebagai acara penutup Jabatan dalam sama-sama mengimarahkan bulan Ramadhan yang mulia pada tahun 2024, Jabatan Perhutanan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan pegawai dan kakitangan Jabatan yang telah khatam Al-Quran melalui Program Tadarus Jabatan yang diadakan setiap pagi sejak bulan Februari tahun berkenaan.

Acara tersebut diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir selaku tetamu kehormat Majlis ialah Yang Mulia Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



7. PENUTUP

Sepanjang tahun 2024, Jabatan Perhutanan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif merangkumi aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial, selaras dengan prinsip Pengurusan Hutan Mampan (SFM). Pencapaian ini mencerminkan komitmen Jabatan dalam melaksanakan Dasar Perhutanan Negara, mendukung pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2023–2029 serta menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035.

Usaha yang dijalankan menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat, di samping memperkuat kerjasama strategik di peringkat nasional dan serantau.

Secara keseluruhannya, tahun 2024 menandakan kemajuan berterusan Jabatan Perhutanan dalam memastikan sumber hutan Negara Brunei Darussalam kekal diurus secara mampan dan terpelihara sebagai warisan berharga untuk generasi masa kini dan akan datang.